

BERIMAN KEPADA RASUL

Isikan tempat kosong dengan perkataan yang disediakan.

rasul	meyakini	wahyu	diperintahkan
Adam	tidak	Muhammad	Al Quran

1. Maksud beriman kepada rasul ialah _____ bahawa Allah mengutuskan para nabi dan rasul kepada umat manusia dan meyakini 25 rasul yang nama-nama mereka disebutkan di dalam _____ secara khusus.
2. Seseorang yang dipilih oleh Allah dan dikurniakan _____ kepadanya tetapi _____ diwajibkan untuk menyampaikan kepada umatnya.
3. Seorang lelaki yang dipilih oleh Allah dan dikurniakan wahyu kepadanya serta _____ untuk menyampaikan kepada umatnya.
4. Bilangan nabi tidak dapat dipastikan jumlahnya, manakala bilangan _____ ialah 25 orang yang wajib diketahui bermula dengan nabi _____ dan berakhir dengan nabi _____.

Tulis istilah yang betul bagi pengertian-pengertian yang berikut.

mukjizat

Ulul azmi

Ismatul rasul

1. Perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah kepada seorang nabi dan rasul untuk membuktikan kenabian dan kerasulannya.
2. Rasul yang mempunyai kecekalan dan ketabahan hati untuk menghadapi ujian dalam berdakwah.
3. Pemeliharaan Allah terhadap para rasul daripada melakukan dosa dalam apa jua bentuk samada dosa kecil dan atau besar.

Padankan contoh kecekalan rasul ulul azmi di bawah dengan betul.

1

NABI NUH

Dihalau dari tanah air serta dijatuhkan hukuman bakar oleh Namrud.

2

NABI IBRAHIM

Berhadapan dengan firau yang zalim.

3

NABI MUSA

Berdakwah selama 950 tahun, tetapi hanya sedikit yang beriman dengannya.

4

NABI ISA

Berhadapan tentangan musyrikin Quraisy di Makah dan tentangan Yahudi dan munafiqin di Madinah.

5

NABI MUHAMMAD

Ditentang oleh Yahudi yang merancang untuk membunuh baginda.